

FEBRUARI
2022

Rasmi Kewajiman dan

PKNP

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PAHANG

PENGGERAK

EDISI KOMPUTER | www.pknp.gov.my

PKNP MENANDATANGANI PERJANJIAN BERSAMA IBN LOVOCEAN SDN BHD BERNILAI RM 90 JUTA

Gelang Patah, 18 Februari - Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Yang Hormat Dato' Mohd Faizal bin Jaafar telah menandatangani Memorandum Perjanjian bersama IBN Lovocean Sdn Bhd (South Ocean Development LLP) dari Singapura di Hotel Forest City Golf Resort, Johor.

Memorandum Perjanjian yang melibatkan pelaburan berjumlah RM90 juta ini termasuk Projek Pelancongan Rompin Eco Tourism Park, berkeluasan 231 ekar di sempadan Rompin-Pekan, Pahang Darul Makmur.

Majlis menandatangani ini disaksikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail, Setiausaha Kerajaan Pahang, Yang Berhormat Dato' Sri Dr. Sallehuddin bin Ishak dan Exco-Exco Kerajaan Negeri Pahang.

Perjanjian yang ditandatangani ini merupakan sebahagian dari Majlis Menandatangani Memorandum Perjanjian Pelaburan di antara Badan Berkanun Negeri Pahang dengan syarikat-syarikat pelabur dari Singapura, Thailand, China dan Korea Selatan yang melibatkan jumlah pelaburan bernilai RM5.5 bilion.



Dokumen perjanjian saling bertukar tangan antara PKNP dan IBN Lovocean Sdn Bhd

Pada majlis yang sama, beberapa memorandum perjanjian telah ditandatangani termasuk TGA Solutions Sdn Bhd (TGAS) bersama Pekan Power Plant Sdn Bhd dari Korea Selatan bernali RM4.21 bilion yang melibatkan cadangan Pembangunan Janakuasa Elektrik 1,200MW berkeluasan 100 ekar di Tanjung Agas, Pekan, Pahang Darul Makmur.

Turut hadir adalah Pengurus Perindustrian Tuan Haji Md Daud bin Abdul Rahman dan Penolong Pengurus Perindustrian, Puan Dhaleazafarina binti Md Zabani.

"F8" MENYUMBANG PELABURAN BERNILAI RM 2.2 BILION DI NEGERI PAHANG

Kuantan, 9 Februari - Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) dengan kerjasama Majlis Bandaraya Kuantan (MBK) dan Perbadanan Kemajuan Negeri

Pahang (PKNP) sedang melaksanakan peraturan tangkas bagi memperkuuh ekosistem urusan pembinaan di Negeri Pahang sekaligus menarik pelabur tempatan dan antarabangsa.

Penambahbaikan proses permohonan cadangan pemajuan yang dikenali sebagai "F8" atau "Fast-track 8 bulan" merupakan inisiatif baharu yang diperkenalkan bagi kelulusan bermula dari permohonan sehingga lesen operasi dikeluarkan.

Pihak MBK menjadikan projek pembangunan kilang sarung tangan getah di bawah syarikat Smart Glove Holdings (M) Sdn Bhd sebagai pilot projek ini.



Kerjasama utuh antara MPC, MBK dan PKNP dalam menarik pelabur ke Negeri Pahang

LAWATAN KERJA KE SMARTGLOVE HEALTHCARE SDN BHD



Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Yang Hormat Dato' Mohd Faizal bin Jaafar bersama Pengerusi Eksekutif SmartGlove Healthcare Sdn Bhd, Encik Foo Khon Pu

Klang, 14 Februari - Dokumen perjanjian telah bertukar tangan antara Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Yang Hormat Dato' Mohd Faizal bin Jaafar dengan Encik Foo Khon Pu, Pengerusi Eksekutif SmartGlove Healthcare Sdn Bhd sewaktu lawatan kerja selama sehari ke kilang SmartGlove di Klang, Selangor Darul Ehsan.

Semasa lawatan kerja ini, Ahli Perbadanan PKNP, Yang Hormat Dato' Wan Asmadi bin Wan Ahmad dan delegasi PKNP telah dibawa melawat dan melihat sendiri operasi pembuatan dan pengeluaran sarung tangan SmartGlove.

SmartGlove akan membina kilang di atas tanah milik PKNP yang berkeluasan 95 ekar dengan nilai pelaburan berjumlah RM2.2 bilion. Malah, pelaburan ini dijangka mewujudkan lebih kurang 4,000 peluang pekerjaan. Kilang ini disasarkan beroperasi pada penghujung tahun 2022.

Lawatan ini turut disertai oleh Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan SmartGlove, Encik Johnson Chang, Pengarah Perkhidmatan Korporat Kumpulan, Encik Ahmad Faizi bin Mohd Kamil dan Ketua Pegawai Tadbir Urus, Puan Sujatha Sekhar Naik.

Hadir bersama Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan), Encik Mohd Razif bin Abdul Malek, Pengurus Perindustrian, Tuan Haji Md Daud bin Abdul Rahman, Pengurus Teknik, Tuan Haji Mohamad Hasrizal bin Hasim dan Pengurus Khidmat Perundangan, Puan Salwa binti Mohd Kasim.

KUNJUNGAN HORMAT PERBADANAN KEMAJUAN CAMERON HIGHLANDS KE PKNP

Cameron Highlands, 17 Februari - Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif PKNP (Pengurusan), Yang Berbahagia Datin Hajah Noraskin binti Jamaludin menerima kunjungan hormat delegasi Perbadanan Kemajuan Cameron Highlands (PKCH) pada petang ini di Bilik Lembaga, Kompleks Teruntum, Kuantan.

Kunjungan daripada delegasi PKCH diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif PKCH, Tuan Syed Ahmad Khirulanwar Alyahya bin Syed Abdul Rahman.

Sesi libat urus yang kali pertama diadakan ini adalah bertujuan untuk memahami fungsi dan peranan PKNP serta objektif penubuhannya.



Yang Berbahagia Datin Hajah Noraskin binti Jamaludin menyerahkan cenderahati kepada Ketua Pegawai Eksekutif PKCH, Tuan Syed Ahmad Khirulanwar Alyahya bin Syed Abdul Rahman.

Dengan adanya sesi ini, PKCH dapat mempelajari dan menggunakan pengalaman PKNP sebagai agensi pembangunan Negeri Pahang untuk diaplikasikan mengikut acuan PKCH.

Turut hadir adalah Pengurus Hal Ehwal Korporat, Tuan Haji Mohd Ibrahim bin Hashim, Pengurus Pentadbiran dan Sumber Manusia, Puan Nooremi binti Musa dan Pengurus Pemantauan Perniagaan, Encik Rahmat bin Hussin.

MESYUARAT AGUNG DWITAHUNAN KELAB KELUARGA KUMPULAN PKNP DAN TABUNG KHAIRAT KEMATIAN KUMPULAN PKNP



Penyerahan sijil kepada Ahli Jawatankuasa Tabung Khairat Keluarga Kumpulan PKNP diwakili oleh Pengerusi Tabung Khairat Keluarga Kumpulan PKNP, Encik Rahmat bin Hussin

Kuantan, 22 Februari - Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Yang Hormat Dato' Mohd Faizal bin Jaafar telah merasmikan Mesyuarat Agung Dwitahunan Kelab Keluarga Kumpulan PKNP dan Mesyuarat Agung Tabung Khairat Kematian Keluarga Kumpulan PKNP kali ke - 18 sesi 2022/2023 pada hari ini di Dewan Utama EDC, Kompleks Teruntum.

Yang Hormat Dato' Faizal dalam ucapannya berkata Ahli Jawatankuasa Kelab Keluarga Kumpulan PKNP dan Tabung Khairat Kematian Kumpulan PKNP sesi 2020/2021 telah melaksanakan tugas dengan cemerlang dengan penganjuran pelbagai aktiviti mencakupi sukan, sosial dan kebajikan.

Tambah beliau, penglibatan aktif anggota pekerja PKNP dalam berpersatuan sangat digalakkan namun harus seimbang dan tidak mengabaikan kerja hakiki.

Harapan beliau untuk Ahli Jawatankuasa Kelab Keluarga dan Tabung Khairat Kematian yang baharu dilantik adalah untuk terus menganjurkan program - program menarik dan diperluaskan kepada anak - anak syari'at PKNP.

Majlis yang dipancarkan secara dalam talian melalui aplikasi webex ini telah dihadiri oleh hampir 200 orang anggota pekerja Kumpulan PKNP.

Pada majlis ini, Ahli Jawatankuasa Kelab Keluarga Kumpulan PKNP dan Ahli Jawatankuasa Tabung Khairat Kematian Keluarga Kumpulan PKNP sesi 2022/2023 telah dilantik.

Turut hadir secara fizikal adalah Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif PKNP (Pengurusan), Datuk Hajah Noraskin binti Jamaludin, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif PKNP (Pembangunan), Encik Mohd Razif bin Abdul Malek dan Pengerusi Tabung Khairat Kematian Keluarga Kumpulan PKNP, Encik Rahmat bin Hussin dan AJK yang terlibat.

Hadir secara dalam talian adalah Pengerusi Kelab Keluarga Kumpulan PKNP sesi 2020/2021, Tuan Haji Md Daud bin Abdul Rahman.

MAJLIS HIMPUNAN PENJAWAT AWAM NEGERI PAHANG

Kuantan, 8 Februari - Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Yang Hormat Dato' Mohd Faizal bin Jaafar telah menghadiri Majlis Himpunan Penjawat Awam Negeri Pahang baru-baru ini di Dewan Majlis Bandaraya Kuantan (MBK), Kuantan, Pahang Darul Makmur.

Majlis ini telah disempurnakan oleh YAB. Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail.

Dato' Sri Wan Rosdy berkata, penjawat awam di Negeri Pahang perlu bersedia berhadapan dengan cabaran susulan transformasi media sosial yang melangkaui sempadan.

Beliau turut mengingatkan agar penjawat awam lebih berhati - hati ketika bertugas, cermat dalam tindakan dan bijaksana dalam membuat keputusan.


Dalam ucapannya, Dato' Sri menyatakan fokus kerajaan Negeri Pahang pada tahun 2022 adalah untuk bersatu dalam mencapai hasrat pembangunan yang dirancang antaranya Rumah Rakyat Pahang (RRP), Rumah Makmur Pahang dan Rumah Penjawat Awam Pahang.



Barisan kepimpinan PKNP yang menghadiri Majlis Himpunan Penjawat Awam Negeri Pahang

Majlis turut dihadiri oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan), Datuk Hajah Noraskin bin Jamaludin, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan), Encik Mohd Razif bin Abdul Malek, Pengurus Hal Ehwal Korporat, Tuan Haji Mohd Ibrahim bin Hashim dan Pengurus Pentadbiran & Sumber Manusia, Puan Nooremi binti Musa.

KURSUS PEMAHAMAN DAN PELAKSANAAN SISTEM PENGURUSAN KUALITI MS ISO 9001: 2015



Perkongsian mengenai risiko - risiko yang dihadapi oleh setiap bahagian dan unit

Kuantan, 15 Februari - Seramai hampir 30 orang pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP) menghadiri kursus pemahaman dan pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001 : 2015 selama dua hari bermula 14 Februari hingga 15 Februari 2022 bertempat di Dewan Seminar EDC, Kompleks Teruntum, Kuantan.

Kursus ini diadakan bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pegawai baru dan melaksanakan semakan semula pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) di PKNP oleh juruaudit dalaman bagi memastikan persijilan semula dapat diperolehi pada tahun ini.

Disamping itu, kursus ini turut membincangkan perbandingan keperluan Standard Sistem Pengurusan Anti-Rasuah (ABMS) MS ISO 37001:2016 dan SPK MS ISO 9001:2015.

Kursus ini telah disampaikan oleh Encik Abdul Razak bin Abu Bakar dari QTC Management Consultant Sdn Bhd.

Bagi memastikan langkah pencegahan dan kawalan kepada Covid-19 dipatuhi, setiap peserta diwajibkan untuk mengambil ujian kendiri Covid-19 (cecair mulut & hidung) sebelum dibenarkan menghadiri kursus untuk kedua - dua hari.

PKNP ANJUR PROGRAM PERKONGSIAN ILMU TEKNIK VIRAL MEDIA SOSIAL DALAM MENJANA PENDAPATAN USAHAWAN

Kuantan, 23 Februari - Seramai hampir 40 orang peserta menghadiri Program Perkongsian Ilmu Teknik Viral Media Sosial yang diadakan di Dewan Orkid, Kompleks Dagangan Mahkota, Indera Mahkota, Kuantan.

Program ini telah dirasmikan oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan), Encik Mohd Razif bin Abdul Malek yang mewakili Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Yang Hormat Dato' Mohd Faizal bin Jaafar.

Beliau berkata media sosial seperti Tiktok, Facebook dan YouTube adalah platform terkini dalam menjana pendapatan bagi usahawan. Malah, para peserta yang hadir seharusnya merebut peluang dan memanfaatkan ilmu yang diperoleh sebaiknya.

Dalam pada itu, program selama sehari ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada para usahawan mengenai teknik untuk tular dengan menggunakan 3 platform media sosial yang sedang digunakan dengan meluas.

Dalam program ini 3 orang influencer iaitu Puan Wani Sidek, Encik Iszarisal Ismail dan Encik Aidy Akmal dijemput menjadi panel dan berkongsi ilmu dan pen-



Ahli - ahli panel jemputan bersama para peserta yang hadir

galaman mengikut kemahiran platform media sosial mereka.

Bagi memastikan langkah pencegahan dan kawalan kepada Covid - 19 dipatuhi, setiap peserta diwajibkan untuk mengambil ujian kendiri Covid - 19 dan mematuhi segala Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan.

Turut hadir adalah Pengurus Pembangunan Komuniti dan Keusahawanan, Encik Nasry bin Kassim dan Penolong Pengurus Pembangunan Komuniti dan Keusahawanan, Encik Muhammad Jabrul Akmal bin Mat Yahya.



KEJOHANAN BOLING TRIO ANTARA JABATAN MAKSAK PAHANG 2022



Firman Allah S.W.T : "Daripada Abu Sa'id Al Khudri dan Abu Hurairah RA daripada Nabi SAW bersabda: "Tidaklah seorang Muslim yang ditimpah suatu penyakit dan keletihan, kegusaran dan kesedihan, gangguan dan kesusahan, bahkan duri yang melukainya melainkan Allah SWT akan menghapus kesalahan-kesalahannya." (Hadith riwayat al-Bukhari, No : 5641, Muslim, No : 2573, at-Tirmizi, No : 966, Ahmad, No : 7684, 8070, 10714)

Sidang Redaksi

PENAUNG / PENASIHAT
Encik Mohd Faizal bin Jaafar
KETUA PEGAWAI ESEKUTIF

PENYELARAS PENERBITAN
Tuan Haji Mohd Ibrahim bin Hashim

KETUA EDITOR
Encik Mohd Fahmi bin Abdul Chani

GRAFIK
Puan Sharifah Nur Yusra binti Tuan Rasli
Encik Nik Mohd Khasyimi bin Nik Kamarulzaman

JURU FOTO
Encik Saiful Azli bin Yahia
Encik Nik Mohd Khasyimi bin Nik Kamarulzaman